



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 10/2009**

Prosedur Mengenakan Kompaun Ke Atas Kesalahan-kesalahan



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 10/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan
10/2009**

Prosedur Mengenakan Kompaun Ke Atas Kesalahan-kesalahan

Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai prosedur mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan selaras pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN) melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

Latar Belakang

2. Kanun Tanah Negara (KTN) melalui peruntukan seksyen 429B (1) dan (2) telah memberi kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) atau Pentadbir Tanah Daerah (PTD) untuk mengenakan kompaun kepada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri sahaja. Kompaun maksimum yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM500.00. Sekiranya kompaun yang dikenakan itu dibayar oleh orang yang disyaki (*person reasonably suspected*) melakukan kesalahan itu, orang yang disyaki (*person reasonably suspected*) tersebut hendaklah dilepaskan daripada tahanan (jika ditahan). Seterusnya, tiada prosiding lanjut yang boleh diambil terhadapnya.
3. Walau bagaimanapun, seksyen 429B telah pun dipinda melalui Akta A1333 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta ini"), di mana PTG atau PTD hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Pendakwa Raya untuk mendapatkan kebenaran secara bertulis, sebelum tawaran untuk mengkompaun dikeluarkan ke atas kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah KTN. Pindaan ini adalah selaras dengan tujuan memenuhi keperluan Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan :

"(3) The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah court, a native court or a court-martial.

(3A) Federal law may confer on the Attorney General power to determine the courts in which or the venue at which any proceedings which he has power under Clause (3) to institute shall be instituted or to which such proceedings shall be transferred."

Kebenaran Untuk Mengkompaun

4. Seksyen 429B Akta ini menjelaskan bahawa kuasa untuk mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah KTN hanya boleh dilakukan dengan kebenaran secara bertulis daripada Pendakwa Raya sebagaimana subseksyen 429B(1) KTN berikut:-

"(1) The State Director or Land Administrator may, with the written consent of the Public Prosecutor, make a written offer to the person reasonably suspected of having committed an offence to compound the offence upon payment to the State Director or Land Administrator such amount not exceeding fifty per centum of the amount of maximum fine for that offence within such time as may be specified in the offer."

5. Selaras dengan tujuan untuk memenuhi kehendak pindaan subseksyen 429B(1), Pentadbir-pentadbir Tanah perlu mengemukakan fail siasatan kesalahan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat (Investigation Officer). Fail siasatan adalah mengandungi keterangan-keterangan yang disokong dengan dokumen-dokumen yang ada, berserta lampiran-lampiran yang memerihalkan mengenai kesalahan yang telah dilakukan. Fail siasatan yang lengkap mestilah mengandungi fakta kes, ringkasan kes, laporan polis (jika perlu), pernyataan saksi, pernyataan orang yang disyaki, diari Pegawai Penyiasat, gambar rajah kasar (jika ada), senarai barang bukti, dokumen-dokumen dan draf kertas pertuduhan. Fail siasatan ini hendaklah dihantar kepada Pendakwa Raya untuk tindakan.

Setelah fail siasatan lengkap, Pegawai Penyiasat hendaklah mengemukakan fail siasatan kepada Pendakwa Raya bagi mendapatkan kebenaran untuk mengkompaun kesalahan yang dilakukan oleh orang yang disyaki melakukan kesalahan itu. Kenyataan ini adalah sebagaimana peruntukan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) di bawah :

“376(3) The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Deputy Public Prosecutors who shall be under the general control and direction of the Public Prosecutor and may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or any other written law except any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally and he may designate any of such Deputy Public Prosecutors as Senior Deputy Public Prosecutors.”

6. Pihak Pendakwa Raya akan meneliti kertas siasatan tersebut dan seterusnya membuat keputusan, sama ada kes tersebut boleh ditawarkan kompaun, dikeluarkan izin (*consent*) atau tiada tindakan seterusnya (*no further action*). Pegawai Penyiasat perlu mengambil tindakan sebagaimana arahan Pendakwa Raya iaitu:-

(i) **Kesalahan yang dipersetujui untuk kompaun**

Jika kesalahan dipersetujui diberikan kompaun, maka Pegawai Penyiasat boleh menawarkan kompaun kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan (*person reasonably suspected*). Sekiranya tawaran kompaun tersebut tidak dibayar, maka kes tersebut hendaklah dirujuk ke Mahkamah. Sebelum kes difailkan di Mahkamah, Pegawai Penyiasat hendaklah mendapatkan surat izin (*consent*) daripada Pendakwa Raya untuk mendakwa orang yang disyaki (*person reasonably suspected*) di Mahkamah.

(ii) **Kesalahan yang dikeluarkan izin (*consent*) Pendakwa Raya**

Jika semasa Pegawai Penyiasat membawa kertas siasatan kepada Pendakwa Raya, Pendakwa Raya jika tidak bersetuju dengan cadangan kompaun oleh Pegawai Penyiasat, boleh mengeluarkan izin (*consent*) untuk kes dibawa ke Mahkamah.

(Nota: Pegawai Penyiasat (kelayakan pegawai adalah tidak kurang daripada jawatan bergred NT22) akan menyerahkan kertas siasatan kepada Pegawai Pendakwa. Pegawai Pendakwa boleh terdiri daripada Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya atau Penolong Pendakwa Raya atau Pegawai yang telah diberi kuasa di bawah seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah. Pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen tersebut adalah termasuk di bawah seksyen 377(b)(5)(6) Kanun Prosedur Jenayah).

(iii) **Kesalahan yang tidak ditawarkan kompaun atau diberi izin**

Sekiranya Pendakwa Raya tidak bersetuju untuk memberi kompaun atau memberi izin terhadap kes tersebut untuk dibawa ke Mahkamah, atas alasan

Pendakwa Raya mendapati tiada keterangan-keterangan yang kukuh untuk mengkompaun atau mendakwa orang yang disyaki di Mahkamah, maka Pendakwa Raya boleh memutuskan untuk tiada tindakan lanjut (*no further action*) terhadap fail siasatan tersebut. Pegawai Penyiasat hendaklah menyimpan kertas siasatan ini dalam bilik kebal dengan tujuan jika terdapat keterangan-keterangan baru yang boleh dibawa kepada Pendakwa Raya untuk dikompaun atau diberikan izin (*consent*) untuk didakwa di Mahkamah.

Pengenaan Tawaran Kompaun

7. Kompaun adalah dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di bawah peruntukan perenggan (ja) seksyen 14 KTN. Pihak Berkuasa Negeri (PBN), hendaklah menyenaraikan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun melalui peruntukan Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.

8. Pentadbir-pentadbir Tanah, setelah merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan, dan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya (jika kesalahan tersebut ditawarkan kompaun), dan kesalahan tersebut adalah dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Tanah Negeri sebagaimana dalam **Lampiran A** bolehlah memberikan tawaran kompaun kepada orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah) untuk membayar kompaun tersebut. Contoh format tawaran kompaun adalah seperti **Lampiran B** dan format penerimaan tawaran kompaun oleh pesalah adalah seperti **Lampiran C**.

9. Kadar kompaun yang ditetapkan adalah tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan dengan pengenaan denda minimum berdasarkan kepada budi bicara PBN. Pengenaan tawaran kompaun adalah tidak boleh dirayu oleh orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah) dengan pengecualian kepada kesalahan pertama (*first offence*). Tiada pelunasan bayaran secara ansuran dibolehkan ke atas orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah).

10. Namun demikian, perlu diambil perhatian bahawa pengkompaunan hanyalah dibenarkan dalam keadaan, jika sekiranya, pendakwaan di Mahkamah masih belum dimulakan ke atas orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah). Dan, tiada pendakwaan boleh dilakukan, jika sekiranya, bayaran kesalahan kompaun telah pun dijelaskan. Seterusnya, mana-mana buku, rekod, aparatus, bahan, instrumen, material, artikel atau barang-barang rampasan yang telah disita boleh dirampas, dihapuskan atau dipulangkan kepada orang yang orang yang didapati melakukan kesalahan (pesalah), tertakluk kepada budi bicara oleh Pentadbir Tanah.

11. Proses kerja bagi prosedur mengenakan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara adalah seperti di **Lampiran D**.

Pemakaian

12. Pekeliling ini adalah terpakai kepada kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah perenggan 14(1)(ja) KTN iaitu kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam Kaedah-kaedah Tanah melalui pindaan ke atas Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.

Tarikh Kuat kuasa

12. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, mula berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333.



(DATO' ABD. HALIM BIN AIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6
Tarikh: 1 Jun 2009

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN	
1.	214A <i>Kawalan pindahmilik tanah estet</i>	(10) Pemerolehan kelulusan Lembaga, secara disedari mengemukakan akuan, sijil, permohonan, fraud atau representasi palsu, secara bertulis atau sebaliknya ataupun gagal/enggan mematuhi arahan, sekatan, syarat yang dikenakan ke atasnya. (10A) Memindah milik, memindah hak atau melupuskan tanah estet dengan melanggar subseksyen 214A(1).	214A(10). Denda tidak melebihi RM 10,000.00, dan sekiranya kesalahan adalah kesalahan berterusan dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.00. 214A(10A). Hukuman penjara untuk satu tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun dan tidak melebihi tiga (3) tahun dan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.
2.	375 <i>Simpanan terselamat daftar-daftar, dll.</i>	(2) Mengalih dokumen hakmilik daftaran, suratcara Buku Rekod dan dokumen lain yang mana keselamatannya di bawah tanggungjawab Pendaftar.	429. Denda tidak melebihi RM10,000.00, atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam (6).	
3.	379 <i>Pertukaran alamat oleh tuanpunya, dll.</i>	(1) Menukar alamat tanpa memberitahu Pendaftar.	429. Denda tidak melebihi RM10,000.00, atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam (6).	

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN
4.	400 <i>Notis untuk memastikan kehadiran bagi maksud menunjukkan sempadan-sempadan, dll.</i>	(1) Tidak mengendahkan Notis Supaya Hadir Masa Ukur (Borang 29A). (2) Tidak mengendahkan Saman Supaya Memberi Maklumat atau Mengemukakan Suratan-suratan (Borang 29B).	400(3). Denda tidak melebihi RM100.00.
5.	400A <i>Ukur tanpa kebenaran</i>	Melakukan kerja-kerja ukur tanpa lesen yang sah.	Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak lebih dari satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
6.	403 <i>Penalty kerana gangguan dengan tanda sempadan dan tanda rujukan ukur</i>	Mengganggu, merosakkan, meminda tanda sempadan dan lain-lain.	Denda tidak melebihi RM500.00 atau membayar kos pemulihan.

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN
7.	422 <i>Penalti kerana kenyataan palsu, dll.</i>	<p>(a) Memberi kenyataan palsu dalam urusan/urusniaga/transaksi berkaitan tanah;</p> <p>(aa) Memberi maklumat palsu atau kenyataan palsu semasa siasatan mana-mana kesalahan;</p> <p>(b) Memberi keterangan palsu dalam pembicaraan;</p> <p>(c) mendapatkan secara tipuan :</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) pendaftaran atau pengeluaran dokumen hakmilik atau instrumen lain yang berkaitan tanah; atau (ii) pembuatan memorial atau pemasukan lain di atas mana-mana dokumen atau instrumen sedemikian; atau (iii) pembatalan atau pemindaan mana-mana dokumen atau instrumen sedemikian, atau apa-apa memorial atau pemasukan lain ke atasnya; <p>(d) mendiamkan atau menyembunyikan dari Pendaftar, atau membantu atau bersama membuat demikian, apa-apa dokumen, fakta.</p>	<p>Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal membayar denda, boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun.</p> <p>Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.</p>

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN	
8.	423 <i>Penalti untuk perubahan secara tipuan, pemusnahaan, dll., dokumen-dokumen</i>	Mengubah, menambah, memadam, merosak atau memusnahkan mana-mana dokumen hakmilik/suratcara dan lain-lain.	Denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.
9.	424 <i>Penalti untuk kegagalan mengeluarkan dokumen-dokumen</i>	(1) Kegagalan mengemukakan dokumen melalui notis yang diserahkan di bawah perenggan 15(1)(e) atau perenggan 175B(1)(b) atau subseksyen 343(4) <i>(*- Borang 2B di bawah kuasa Pengarah Negeri, Pendaftar, Pentadbir Tanah (sek.15(1)(e));</i> - warta bagi penggantian hakmilik (sek. 175(1)(b)); - apabila DHK diminta oleh Pendaftar bagi urusan pengeluaran salinan DHK kepada tuanpunya bersama atau permohonannya (sek. 343(4)). (2) Kegagalan mengemukakan dokumen melalui notis yang diserahkan di bawah subseksyen 398A(2).	424(1). Denda tidak melebihi RM500.00 atau penjara tidak melebihi 1 bulan atau kedua-dua sekali 424(2). Denda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.	

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN
10.	425 <i>Pendudukan secara taksah, dll, tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan</i>	<p>(1) Melakukan kesalahan tanpa mendapatkan kebenaran yang sah-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mananya tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan; (b) membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya; (c) memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah. <p>(1A) Bersubahat melakukan kesalahan di bawah seksyen 425(1)(a)(b)(c).</p>	<p>Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p>Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p>Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.</p>

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN	
11.	425A <i>Penggunaan secara menyalahi undang-undang ruang udara atas tanah Kerajaan atau tanah rizab</i>	Menggunakan ruang udara atas tanah Kerajaan atau tanah rizab tanpa permit.	Denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.
12.	426 <i>Pencabutan atau pemindahan bahan batuan secara tak sah</i>	(1) Mengeluarkan/mengalih atau mengangkut bahan-bahan batuan tanpa permit. (1A) Memiliki, menyimpan bahan-bahan batuan tanpa kebenaran. (1B) Bersubahat melakukan kesalahan di bawah seksyen 426(1).	Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-dua sekali. Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-dua sekali.	
13.	427 <i>Peragutan haiwan yang menyalahi undang-undang (unlawful grazing)</i>	(1) Membiarakan binatang ternakan meragut rumput di atas tanah kerajaan/rizab tanpa permit.	Denda tidak melebihi RM100.00.	

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN	
14.	428 <i>Halangan kepada hak lalulalang Pentadbir Tanah/Awam (jalan awam, aliran air, tempat awam).</i>	(2) Menghalang hak lalulalang Pentadbir Tanah/Awam (jalan awam, aliran air, tempat awam).	Denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaundi bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.
15.	428A <i>Penerimaan salah apa-apa maklumat</i>	Menerima maklumat daripada cara yang salah (penerimaan maklumat menyalahi seksyen 19 KTN).	Denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.	

Bil.	Seksyen	Kesalahan	Denda Ke Atas Kesalahan Berdasarkan Peruntukan KTN	
16.	429 <i>Pelbagai penalti</i>	Melakukan kesalahan yang menyalahi: - seksyen 19 (yang melarang pegawai-pegawai yang dilantik di bawah KTN daripada membuka perkara-perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam menjalankan kewajipan mereka); atau - seksyen 20 (yang berkaitan dengan pembelian tanah oleh pegawai yang dilantik); atau - seksyen 375(2) (yang melarang pengalihan daftar-daftar hakmilik dari dalam Pejabat Pendaftaran dan Pejabat Tanah); atau - seksyen 379(1) (yang berkaitan dengan memberitahu Pendaftar mengenai penukaran alamat).	Denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan mengikut seksyen 429B KTN iaitu tawaran kompaun ke atas kesalahan yang disenaraikan sebagai kesalahan boleh dikompaun di bawah Kaedah-kaedah Tanah Negeri masing-masing.
17.	429B <i>Mengkompaun kesalahan</i>	Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Kanun Tanah Negara.	Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan.	

Kanun Tanah Negara

TAWARAN KOMPAUN

Pentadbir Tanah,
Daerah
Negeri

Kepada :
.....
.....
.....

Dalam Jawapan Balas Sila Rujuk:
No. Rujukan Tarikh

Tuan/Puan,

Satu laporan telah dibuat ke atas anda yang mendakwa bahawa anda telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah seksyen dalam Kanun Tanah Negara.

Tarikh: Masa: *pagi/petang.

Tempat:
.....

Kesalahan⁺:
.....

2. Anda dengan ini diberitahu dan dimaklumkan bahawa melalui kuasa yang diberikan di bawah seksyen 429B dalam Kanun Tanah Negara, saya bersedia, dan dengan ini menawarkan kompaun ke atas kesalahan bagi sejumlah wang RM (Ringgit Malaysia).

Sekiranya tawaran ini diterima, bayaran hendaklah dijelaskan secara wang tunai, atau kiriman wang, wang pos atau bank draf dan dibayar kepada Pentadbir Tanah sebagaimana Pejabat di atas adalah dirujuk. Satu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran ini adalah berkuat kuasa selama hari daripada tarikh notis ini dan jika tiada bayaran diterima dan dijelaskan dalam tempoh tersebut, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis lanjut.

Tarikh:

Pentadbir Tanah,
Daerah
Negeri

*Potong jika sesuai.

+ Tambahan Maklumat Terperinci.

Kanun Tanah Negara

PENERIMAAN TAWARAN KOMPAUN

Kepada :
Pentadbir Tanah,
Daerah
Negeri

Dalam Jawapan Balas Sila Rujuk :

Pejabat Tempat
No. Rujukan Tarikh

Tuan,

Saya merujuk kepada tawaran untuk mengkompaun dalam surat pihak tuan yang mempunyai nombor rujukan dan bertarikh

Saya menerima tawaran tersebut dan mengepulkan bersama ini *wang/kiriman wang/wang pos/bank draf no. bagi jumlah wang RM (Ringgit Malaysia) sebagai menjelaskan keseluruhan bayaran kompaun.

Tandatangan :

Nama (HURUF BESAR) :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

*Potong jika sesuai.

**PROSES KERJA PENGENAAN KOMPAUN
BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA**

